

## Modaliti dalam Wacana Perbahasan Parlimen

Dayang Sariah Abang Suhai<sup>a</sup>  
[asdsariah@unimas.my](mailto:asdsariah@unimas.my)  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

Kesumawati Abu Bakar<sup>b</sup>  
[kesuma@ukm.edu.my](mailto:kesuma@ukm.edu.my)  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Norsimah Mat Awal  
[norsimah@ukm.edu.my](mailto:norsimah@ukm.edu.my)  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

### ABSTRAK

Perbahasan Parlimen merupakan salah satu kegiatan interaksi bahasa yang melibatkan perbincangan antara pemeran utama yang secara tidak langsung dapat menyerlahkan hubungan sosial melalui unsur bahasa yang dimanfaatkan. Juseru, analisis unsur modaliti dalam klausa ujaran merupakan salah satu penelitian awal yang boleh menonjolkan hubungan sosial pemeran dengan khalayak pewacananya. Makalah ini bertujuan mengenal pasti dan menghuraikan aspek makna modaliti yang digunakan oleh pewacana Kerajaan dan Pembangkang dalam wacana perbahasan Parlimen sebagai satu cara membina hubungan sosial dengan khalayak wacananya. Wacana perbahasan parlimen yang dipilih ialah perbahasan Belanjawan 2019, iaitu perbahasan belanjawan pertama selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (2018) dan selepas berlakunya peralihan kuasa dalam era Malaysia Baharu. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis unsur modaliti dalam ujaran pewacana dengan bersandarkan pendekatan analisis wacana kritis Fairclough (1992 & 1995). Hasil penelitian, ditemui 13 kata modaliti digunakan oleh kedua-dua pewacana Kerajaan dan Pembangkang dalam data kajian. Dapatan menunjukkan modaliti informatif dan modaliti perintah dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana. Pemanfaatan modaliti informatif lebih tinggi kekerapannya, iaitu 777 kali berbanding modaliti perintah hanya 282 kali. Pewacana Pembangkang dilihat mendominasi penggunaan modaliti informatif sebanyak 419 kali dan banyak dimanfaatkan dalam modaliti berciri *kehendak*, *keupayaan*, *pengetahuan*, dan *keengganan*. Pewacana Kerajaan pula mendominasi penggunaan modaliti perintah bagi maksud permintaan sejumlah 147 kali dan banyak dimanfaatkan dalam kata modaliti *harus*, *perlu*, dan *kena*. Jelaslah, pemanfaatan kata modaliti oleh pewacana Pembangkang adalah lebih bersifat memaklumi khalayaknya, manakala pewacana Kerajaan lebih bersifat memerintah khalayaknya. Maka, dapatlah digambarkan bahawa bentuk hubungan sosial yang terbina antara pewacana Pembangkang dan khalayaknya adalah lebih relaks atau santai, dan bagi pewacana Kerajaan pula adalah lebih formal dan serius dengan khalayaknya.

**Kata kunci:** modaliti; hubungan sosial; kerajaan; pembangkang; perbahasan parlimen

---

<sup>a</sup> Pengarang utama

<sup>b</sup> Pengarang korespondan

## Modality in Parliamentary Debates

### ABSTRACT

Parliamentary debate is one of the spoken genres involving key political actors that indirectly highlight social relations through the elements of language used. As such, the analysis of modality in speech clauses is one of the preliminary study that can highlight the role of social actors and their audiences through language. This paper aims to identify and describe aspects of the meaning of modalities used by members of the Government and Opposition in the Parliamentary debate as a way of constructing social relations with their discourse audience. The parliamentary debate selected for the purpose of this analysis is the Budget 2019 debate, the first budget debate after the 14th General Election (2018) and after the transition of power in the New Malaysia era. The analysis used qualitative method, adopting Fairclough's (1992 & 1995) critical discourse analysis approach. The results of the study, revealed thirteen (13) modalities utilized by both the members of Parliament and Opposition. The findings show that informative modality and command modality are utilized by both parties. The use of informative modality is higher frequency, which is 777 times compared to the command modality of only 282 times. Opposition discourse is seen to dominate the use of informative modality with a frequency of 419 times through the meaning of will, ability, knowledge, and refusal more than Government discourse. Government discourse is seen to be more dominant in the use of command modality for the purpose of demand with a frequency of 147 times through the use of the word modality must and should be dominant than the Opposition. It is clear that the use of the word modality by the Opposition discourse is more informative to its audience, while the Government discourse is more in control of its audience. Thus, it can be described that the form of social relations built between the Opposition discourse is more relaxed, and for Government discourse is more formal and serious with the public.

**Keywords:** modality; social relations; government; opposition; parliamentary debate

### PENGENALAN

Wacana perbahasan Parlimen merupakan satu platform yang menampilkan wujudnya peristiwa bahasa yang berlaku di institusi Parlimen. Peristiwa bahasa yang dimaksudkan dalam makalah ini adalah melibatkan cara ahli-ahli politik (pemeran utama) mengorientasikan pengurusan bahasa (wacana) sama ada individu, organisasi atau institusi untuk mencapai matlamat tertentu dan seterusnya sudah pastinya akan diamati dan dinilai oleh khalayak wacananya. Asmah (2000) pernah menyatakan bahawa perundingan dalam perbahasan Parlimen menunjukkan adanya peristiwa bahasa yang betul-betul menggambarkan konflik dan pertikaian antara pihak yang berlainan ideologi dan kepentingan. Sementara itu, dalam konteksnya sebagai wacana politik pula, Harshita Aini et. al (2020) berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang disampaikan melalui ucapan politik merupakan wahana yang menggabungkan idea dan ideologi supaya dapat difahami oleh pendengar. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan Fairclough (1989) berkenaan fungsi bahasa, iaitu bahasa boleh menyumbang kepada dominasi terhadap orang lain oleh sesetengah pihak dan Idris (2008) turut menambah bahawa manusia memanipulasi dan menggembelng bahasa untuk proses-proses sosial, seperti memimpin atau memperoleh kuasa, mendidik, berdagang, berkasih sayang, dan menghalalkan penaklukan.

Dalam perbahasan Parlimen, bahasa perdebatan atau penghujahan antara pewacana Kerajaan dengan pewacana Pembangkang bukan sahaja menyampaikan kandungan hujah masing-masing, tetapi dalam masa yang sama turut berupaya merepresentasikan bentuk

hubungan sosial yang tegas, formal, rapat, atau sebagainya sesama mereka dan juga dengan khalayak wacananya (rakyat umum). Asmah (2003) pernah menyatakan bahawa perbahasan Parlimen merupakan bentuk perbahasan yang mempunyai situasi konflik (*conflict situation*), iaitu bahasa yang digunakan memainkan peranan penting sebagai wadah atau saluran untuk kuasa itu digubal, dicipta dan dijatuhkan. Oleh itu, dalam makalah ini bentuk hubungan sosial yang terbina antara pewacana dan juga khalayaknya akan diteliti makna interpersonalnya menerusi peranan unsur nahuan modaliti.

Pemerihalhan kenahuan merupakan salah satu aspek penting dalam analisis wacana. Analisis aspek nahuan tebahagi kepada tiga, iaitu transitiviti, tema dan modaliti (Fairclough, 1992). Bagaimanapun dalam makalah ini, analisis nahu wacana perbahasan belanjawan hanya dibataskan kepada penelitian penggunaan modaliti. Menurut Idris (2006), tujuan analisis modaliti adalah untuk memahami bentuk hubungan sosial antara pemimpin dengan khalayak rakyat. Kajian ini meneliti unsur modaliti bagi menentukan bentuk hubungan sosial yang dijalinkan antara pewacana Ahli-ahli Parlimen dengan khalayak wacananya. Dalam analisis wacana kritis, penggunaan modaliti diteliti bukan sekadar untuk mengesan fungsi ideasional yang dimainkannya (seperti memberi maklumat atau pengetahuan, membayangkan kuasa, dan memperlihatkan komitmen atau obligasi) tetapi juga untuk mengesan bentuk atau darjah hubungan dan nilai solidariti antara pewacana dengan khalayak. Tumpuan utama adalah kepada hubungan sosial yang terbentuk (Fairclough, 1992).

Makalah ini berhasrat meneliti penggunaan unsur modaliti dalam kalangan Ahli Parlimen di Dewan Rakyat dari sudut cara wakil-wakil rakyat berkenaan menggunakan dan menguruskan bahasa dalam usaha menonjolkan atau menyuarakan kuasa mereka di Parlimen. Pemanfaatan bahasa oleh pewacana ini merupakan satu cara merepresentasikan hubungan sosial pewacana dengan khalayak wacananya, yang seterusnya akan dikaitkan dengan praktis kepimpinan yang terselindung di sebalik wacana berkenaan. Analisis adalah berdasarkan kerangka teori analisis wacana kritis yang dibangunkan oleh Fairclough (1992).

## KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur dalam makalah ini dikelompokkan kepada tiga bahagian, iaitu kajian lepas berkenaan analisis wacana parlimen, wacana pemimpin dan penelitian aspek modaliti. Analisis wacana parlimen telah banyak diteliti sama ada kajian wacana parlimen luar negara mahupun dalam negara dengan fokus kajian yang pelbagai. Antara kajian wacana parlimen luar negara ialah kajian Vukovic (2012) yang telah menganalisis penggunaan kata ganti nama yang digunakan dalam wacana perbahasan belanjawan Parlimen Montenegro. Kajian Kirkwood (2017) meneliti transkrip lima perbahasan Parlimen UK berkaitan 'krisis' pelarian Eropah dari September 2015 hingga Januari 2016. Cheng (2015) meneliti wacana perbahasan parlimen Switzerland mengenai isu pengharaman pembinaan menara (masjid) di Switzerland. Sementara itu, kajian wacana parlimen dalam negara juga telah banyak dilakukan. Muhamad Fuzi (2008) meneliti frekuensi kandungan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Parti Politik Pembangkang di Dewan Rakyat Parlimen Malaysia dalam data perbahasan lima sesi parlimen dari tahun 1982 hingga 2003. Asmah (2003) meneliti aspek retorik dalam wacana Parlimen Malaysia, iaitu meneliti data hansard dari Mei hingga Julai 2001 dengan menggunakan analisis etnografik untuk menjelaskan aspek retorik yang terkandung dalam wacana parlimen. Yoong (2010) turut meneliti aspek bahasa dalam wacana Parlimen Malaysia mengenai ketertiban (*orderliness*) dan ketaktertiban (*disorderliness*) interaksi semasa Sesi Soalan (*Question Time*) pada Ogos 2006 di Dewan Rakyat. Hasil tinjauan terhadap kajian wacana parlimen luar dan dalam negara mendapati bahawa wacana perbahasan parlimen sememangnya telah mendapat perhatian pengkaji-pengkaji terdahulu dengan pelbagai fokus dan tujuan kajian. Fenomena ini menunjukkan bahawa wacana perbahasan

parlimen termasuklah wacana Parlimen Malaysia telah mendapat perhatian para penyelidik linguistik mutakhir ini. Kecenderungan ini turut memberi persepsi bahawa wacana politik perlu diselidiki dari sudut linguistik dengan fokus atau tujuan yang pelbagai untuk melihat gambaran sebenar fungsi penggunaan bahasa oleh ahli-ahli politik di arena perbahasan parlimen. Jelaslah, kajian bahasa di parlimen kian mendapat perhatian para pengkaji bahasa kerana menyedari di situlah peranan bahasa dilihat untuk menilai praktis sosial dan kewibawaan ahli-ahli politik berdasarkan penggunaan bahasa dalam dunia nyata.

Di samping itu, hasil tinjauan kajian lepas yang meneliti wacana pemimpin sememangnya telah banyak dikaji. Antara kajian yang memfokus wacana pemimpin negara ialah Kamila (1999), Idris (2001, 2006, 2011), Sanat (2005), Rohaidah (2012, 2016), Radiman dan Zaitul Azma (2013), dan Muhammad Faizul dan Mohd Azidan (2020). Kajian-kajian ini telah berjaya mengupas persoalan praktis dan proses sosial kepimpinan pemimpin-pemimpin utama negara melalui huraian linguistik. Kajian wacana Perdana Menteri Malaysia, misalnya, lebih banyak mendapat perhatian pengkaji seperti kajian Kamila (1999) dan Idris (2001, 2006) memfokus wacana Perdana Menteri Keempat - Mahathir Mohamad; kajian Sanat (2005) dan Radiman dan Zaitul Azma (2013) memfokus wacana Perdana Menteri Kelima - Abdullah Ahmad Badawai; dan kajian Idris (2011) dan Rohaidah (2012, 2016) memfokus wacana Perdana Menteri Keenam - Mohd Najib Razak. Kesemua kajian tersebut menjurus kepada praktis kepimpinan pemimpin utama negara melalui penelitian aspek bahasa dengan tujuan kajian yang berbeza. Sementara itu, terdapat juga kajian yang memfokus kepada teks ucapan belanjawan yang diorganisasikan oleh kumpulan politik tertentu. Misalnya, kajian Muhammad Faizul dan Mohd Azidan (2020) telah meneliti strategi wacana teks ucapan Belanjawan 2019 yang diorganisasikan oleh kerajaan Pakatan Harapan. Menurut Muhammad Faizul dan Mohd Azidan (2020), selain memperkirakan wacana belanjawan sebagai dokumen penting kepada semua lapisan masyarakat, data tersebut juga dipilih untuk melihat cara kerajaan baharu menguruskan strategi wacana belanjawan bagi menyampaikan maklumat dan sekaligus menambat hati masyarakat untuk mengekalkan kuasa pemerintahan. Berdasarkan tumpuan kajian lepas, dapatlah dikatakan bahawa kosa ilmu berkaitan kajian modaliti dalam wacana pemimpin masih kurang memadai. Yang dimaksudkan dengan kurang memadai adalah masih terdapat data, konteks sesebuah institusi dan kelompok pemimpin sasaran yang belum diberi perhatian. Dalam konteks kajian ini, penelitian terhadap wacana pemimpin yang berbeza ideologi juga perlu diberi perhatian dan dianalisis secara serentak untuk merungkaikan persoalan hubungan sosial antara pewacana dan khalayaknya ataupun untuk merungkaikan praktis kepimpinan masing-masing. Dengan erti kata lain, wacana daripada pemimpin-pemimpin perwakilan daripada kedua-dua pihak yang mewakili komponen parti masing-masing perlu dianalisis secara kolektif dan serentak bagi melihat praktis kepimpinan masing-masing selaku ahli politik atau wakil rakyat daripada pihak Kerajaan dan Pembangkang yang telah diberi kepercayaan oleh rakyat melalui pilihan raya umum. Dalam konteks makalah ini, wakil pemimpin Kerajaan dan Pembangkang adalah merujuk kepada Ahli-ahli Parlimen selaku wakil rakyat yang menduduki kerusi perwakilan parti, iaitu Ahli Parlimen daripada blok Kerajaan dan blok Pembangkang di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia.

Seterusnya, tinjauan literatur mengenai penelitian aspek modaliti yang menggambarkan hubungan pewacana dengan khalayak wacana. Kini, telah terdapat beberapa huraian atau kajian yang meneliti unsur modaliti yang dikaitkan dengan hubungan interpersonal dan kuasa antara pemeran dengan khalayaknya, misalnya oleh Muhammad Hisyam dan Ab. Razak (2019), Idris (2006) dan Rohaidah (2016). Muhammad Hisyam dan Ab. Razak (2019) membincangkan aspek modaliti dalam surat atau warkah-warkah Melayu yang seterusnya dikaitkan dengan hubungan interpersonal dan kuasa antara pemeran, iaitu antara pengirim dan penerima warkah. Kajian ini menunjukkan bahawa modaliti untuk perintah melibatkan modaliti *hendak*, *boleh* dan *patut*. Bagi tujuan informasi, empat modaliti, iaitu *hendak*, *mahu*,

*boleh*, dan *dapat* digunakan oleh pengirim warkah. Menurut Muhammad Hisyam dan Ab. Razak (2019), modaliti adalah sebagai mekanisme interpersonal untuk mempamerkan kemahuan atau kepentingan bagi pengirim warkah menerusi ujarannya, yakni bersangkutan dengan usaha pengirim mengekspresikan hubungan dan kekuasaan terhadap khalayaknya. Sementara Idris (2006) turut membincangkan aspek modaliti yang terdapat dalam 18 teks perutusan tahun baharu Mahathir Mohamad dari tahun 1982 hingga 1999 dengan berpandukan kerangka analisis wacana kritis Fairclough (1992, 1995). Tujuan analisis modaliti adalah untuk memahami bentuk hubungan sosial antara pemimpin, iaitu Perdana Menteri dengan khalayak rakyatnya. Hasil analisis, Idris (2006) menemui tujuh modaliti utama yang kerap digunakan oleh Mahathir Mohamad dalam wacana kepimpinan beliau, iaitu *mesti*, *harus*, *perlu*, *hendak*, *boleh*, *patut*, dan *mungkin*. Daripada jumlah tersebut, modaliti perintah lebih dominan digunakan oleh Mahathir Mohamad selaku pemimpin utama negara, iaitu *mesti*, *harus*, *perlu*, *boleh*, *hendak*, dan *patut* berbanding modaliti yang bermaksud informatif seperti *perlu*, *boleh*, dan *mungkin*. Idris (2006) merumuskan bahawa bentuk hubungan sosial pemimpin-rakyat yang tergambar daripada pemanfaatan modaliti perintah dalam wacana kepimpinan tersebut adalah hubungan tegas dan serius ekoran dominannya penggunaan modaliti bersifat perintah berkuasa permintaan obligasi terhadap khalayak rakyatnya.

Rohaidah (2016) turut meneliti aspek modaliti terhadap enam siri ucapan Perdana Menteri Mohd Najib Razak yang disampaikan pada Perhimpunan Agung UMNO sejak tahun 2004 hingga 2009. Hasil penelitian, Rohaidah (2016) menemui lima jenis kata modaliti yang dominan dan berperanan dalam menjelaskan identiti pengunggulan Melayu dan UMNO, iaitu modaliti keperluan (*perlu*), kemestian (*mesti* dan *harus*), dan kehendak (*hendak* dan *mahu*). Rohaidah (2016) mendapati penggunaan modaliti *perlu* lebih banyak berbanding *mesti* yang seterusnya menggambarkan pemimpin Mohd Najib Razak memanfaatkannya demi menjaga keharmonian hubungan pemimpin – pengikut, iaitu mengambil pendekatan mesra rakyat, toleransi, dan tidak menampakkan beliau menggunakan kuasa sebagai seorang ketua. Berdasarkan tinjauan literatur terhadap aspek modaliti, jelaslah penggunaan modaliti mampu menilai hubungan sosial pemimpin dengan khalayak rakyat atau sasaran. Hubungan sosial yang dipamerkan adalah bersifat sehalu, yakni daripada pemimpin atasan dengan khalayak pengikut dan pastinya ada penggunaan modaliti yang bersifat perintah digunakan.

Meskipun terdapat beberapa kajian lepas yang meneliti wacana parlimen, wacana pemimpin dan aspek modaliti, namun fokus kajian tetap berbeza mengikut tujuan kajian masing-masing. Bagaimanapun, penggunaan modaliti yang lebih menyeluruh perlu juga diberi perhatian, bukan hanya meneliti hubungan sosial antara pemimpin utama dengan khalayak rakyat atau sasaran semata-mata, tetapi perlu juga meneliti hubungan sosial antara pemimpin dengan pemimpin yang berlainan posisi parti, iaitu pemimpin perwakilan Kerajaan dan Pembangkang melalui penggunaan unsur modaliti dalam wacana perbincangan mereka. Dengan erti kata lain, penggunaan modaliti dalam interaksi pemimpin dengan pemimpin secara dua hala atau bersemuka perlu juga diberi perhatian bagi menilai hubungan sosial yang direpresentasikan antara mereka dan juga dengan rakyat yang menjadi khalayak wacana. Meskipun fokus kajian terhadap teks ucapan pemimpin utama negara lebih mendapat perhatian pengkaji terdahulu, namun wacana pemimpin perwakilan daripada organisasi politik yang berbeza perlu juga diteliti bagi melihat praktis kepimpinan masing-masing selaku ahli politik atau wakil rakyat yang telah diberi kepercayaan oleh rakyat melalui pilihan raya umum. Dengan erti kata mudahnya, bahasa yang digunakan oleh ahli-ahli politik perwakilan ini perlu juga diberi perhatian kerana merekalah yang turut membawa aspirasi dan hala tuju parti perwakilan masing-masing dalam arena politik dan pandangan ini sejajar dengan pandangan bahawa perbezaan politik dan pertarungan politik kerap diperlihatkan melalui perbezaan bahasa, yakni bahasa siapa yang dominan (Idris, 2014). Oleh itu, makalah ini berhasrat meneliti aspek modaliti dalam memperlihatkan fungsi interpersonal yang seterusnya dapat



menggambarkan bentuk hubungan sosial yang direpresentasikan oleh pewacana pemimpin-pemimpin perwakilan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis modaliti yang dimanfaatkan oleh pewacana Ahli Parlimen Kerajaan (seterusnya disingkatkan sebagai APK) dan Ahli Parlimen Pembangkang (seterusnya disingkatkan sebagai APP) dalam konteks wacana perbahasan parlimen. Selain itu, kajian ini berobjektif menghuraikan bentuk hubungan sosial atau fungsi interpersonal yang dibina antara pewacana dengan khalayaknya dalam teks perbahasan Belanjawan 2019 yang dikaji.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan penghuraian data dilakukan secara deskriptif. Tumpuan adalah melibatkan kaedah analisis teks, iaitu penyelidikan secara langsung terhadap teks kajian. Penganalisan teks merangkumi proses pemilihan dan pengumpulan data, pendekatan analisis data dan proses penganalisan data. Pemilihan teks adalah melibatkan perbahasan parlimen daripada sumber sekunder, iaitu sebuah Penyata Rasmi Parlimen atau Hansard daripada teks perbahasan belanjawan Parlimen Malaysia. Teks yang dipilih ialah teks perbahasan Belanjawan 2019 bertarikh 12 November 2018 dan dimuat turun melalui portal rasmi Parlimen Malaysia - <https://www.parlimen.gov.my/> (muat turun pada 20 November 2018). Teks yang diteliti ini merupakan teks berbahasa Melayu yang mengandungi 136 muka surat, 1209 perenggan, 57 640 patah perkataan, dan setiap perenggan minimumnya mempunyai satu ayat ujaran. Dalam teks yang dipilih ini, pewacana yang terlibat secara langsung ialah pewacana APK yang terdiri daripada lapan pembahas dan 19 pencelah, pewacana APP terdiri daripada sepuluh pembahas dan 22 pencelah serta Tuan Yang di-Pertua Dewan (*Speaker*) dan dibantu dua timbalannya secara bergilir. Bagaimanapun, untuk tujuan analisis, data ujaran yang disampaikan oleh pewacana utama sahaja yang dianalisis, iaitu APK dan APP kerana kedua-dua pihak pewacana ini yang mengambil bahagian dalam perbahasan, manakala peranan *Speaker* hanyalah sebagai pengendali perbahasan. Bagi tujuan mendapatkan jenis konkordans dan kekerapannya, kaedah perisian AntConc 3.5.8. (Windows) 2019 digunakan dan turut menggunakan kaedah carian kata melalui '*advanced find*' dalam data *Word*. Meskipun kajian ini bukan bersifat kuantitatif, namun pengiraan frekuensi tetap dilakukan untuk mengesan jenis modaliti dan kekerapannya yang merupakan satu cara untuk menyimpulkan makna sosial yang dikandungnya (Idris, 2006). Bagi tujuan analisis, semua data ditandakan dengan sistem nombor rujukan yang mengandungi maklumat pihak pewacana dan nombor data. Contoh pengekodan data ujaran **K1** dan **P3**. Label **K** bermaksud pewacana Kerajaan, **1** bermakna data ujaran pertama. Label **P** pula bermaksud pewacana Pembangkang, **3** bermakna data ujaran ketiga. Nama pewacana atau nama Ahli Parlimen yang mengujarkan ujaran tersebut tidak dinyatakan secara terangan dan hanya dilabelkan sebagai K (Kerajaan) atau P (Pembangkang). Hal ini bertujuan untuk mengelompokkan pewacana dalam kumpulan tertentu yang menjadi subjek kajian (bukan secara individu), iaitu sama ada daripada pewacana Kerajaan ataupun pewacana Pembangkang.

Kajian ini adalah berasaskan kerangka analisis wacana kritis Fairclough (1992, 1995, 2003) yang menekankan tiga dimensi analisis, iaitu amalan wacana, tekstual dan proses sosial. Bagaimanapun, bagi keperluan makalah ini analisis hanya merungkaikan aspek tekstual dan proses sosial. Fairclough (1992) menjelaskan bahawa analisis teks dapat dilihat berdasarkan empat perkara utama, iaitu perbendaharaan kata (*vocabulary*), nahu (*grammar*), tautan (*cohesion*), dan struktur teks (*text structure*). Aspek tekstual yang difokuskan dalam kajian ini

ialah aspek kenahuan modaliti. Modaliti adalah berkaitan kepelbagaian sikap atau perasaan pewacana terhadap ujarannya, sama ada berkeyakinan, berhati-hati, pasti, berbelah bahagi, tentatif, dan arif. Di samping itu, modaliti juga berupaya memberi makna tambahan, seperti permintaan komitmen, obligasi, keinginan, kebenaran, dan pengesahan (Idris, 2006). Seterusnya, huraian aspek kenahuan modaliti ini dipertalikan pula dengan aspek proses sosialnya, iaitu praktis hubungan sosial yang terbina dalam wacana berkenaan. Hal ini selaras dengan tujuan analisis modaliti dalam wacana adalah untuk menentukan pola darjah hubungan atau fungsi interpersonal yang dibina dalam teks (Fairclough, 1992).

Dalam kajian ini, penerapan analisis wacana kritis adalah untuk meneliti penggunaan modaliti dari fungsi interpersonal dan juga fungsi ideasionalnya. Melalui analisis fungsi-fungsi tersebut, akan digambarkan bentuk hubungan sosial yang ingin diwujudkan oleh pewacana APK dan APP dengan khalayaknya. Bagi menganalisis fungsi-fungsi tersebut, proses dimulakan dengan mengenal pasti jenis-jenis modaliti dan kekerapan kemunculannya dalam wacana (Fairclough, 1992). Dalam konteks kajian ini, jenis dan kekerapan penggunaan modaliti antara kedua-dua pihak pewacana APK dan APP dikenal pasti untuk menentukan tahap kedominanan dan memberikan gambaran sikap atau perasaan menerusi penggunaannya. Seterusnya, daripada jenis modaliti tersebut akan dikaitkan dan diinterpretasikan bentuk hubungan sosial yang wujud antara pewacana dan khalayak wacananya.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis terhadap data wacana perbincangan Belanjawan 2019, maka dikenal pasti dan diuraikan tiga belas jenis unsur modaliti yang dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana APK dan APP dan jumlah kekerapannya sebanyak 1059 kali. Jenis modaliti tersebut ialah *boleh* paling tinggi penggunaannya (220), diikuti *hendak* (139), *perlu* (139), *ingin* (129), *dapat* (97), *mungkin* (71), *harus* (71), *mahu* (53), *patut* (52), *mesti* (35), *kena* (31), *yakin* (17), dan *wajib* (5). Berdasarkan pencerakinan, modaliti *boleh*, *perlu*, *ingin*, *dapat*, *mungkin*, *harus*, *mahu*, *patut*, dan *yakin* turut digunakan bersama kata nafi *tidak* sebelumnya. Manakala penggunaan modaliti bersama partikel *-lah* turut dimanfaatkan khususnya bersama modaliti *boleh*, *hendak*, *perlu*, *harus*, dan *mesti* (kekerapannya ditunjukkan dalam subbahagian huraian).


Berdasarkan rincian penggunaannya, kata-kata modaliti yang dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak pewacana adalah untuk maksud perintah dan informatif. Namun, majoriti penggunaannya bersifat informatif, iaitu melalui sembilan daripada tiga belas modaliti berkenaan seperti *boleh*, *hendak*, *perlu*, *patut*, *ingin*, *dapat*, *mungkin*, *mahu*, dan *yakin*. Sementara itu, jenis modaliti yang digunakan untuk maksud perintah melibatkan lapan kata modaliti, iaitu *boleh*, *hendak*, *perlu*, *harus*, *patut*, *mesti*, *kena* dan *wajib*. Modaliti informatif atau disebut proposisi (*propositions*) oleh Halliday (1994), merupakan satu bentuk ekspresi ujaran yang bermotifkan maklumat atau pemberitahuan, dan matlamat penggunaannya adalah untuk memaklumi khalayak semata-mata. Modaliti perintah pula merupakan ekspresi sikap pewacana menghasilkan makna ujaran yang bermotifkan usulan atau permintaan yang harus disambut dengan tindakan susulan oleh khalayak sasarannya, dan dalam jenis modaliti ini adanya fitur obligasi (+ obligasi) atau komitmen yang diminta (Idris, 2006). Berikut ditunjukkan contoh penggunaan klausa informatif oleh pewacana APP (ujaran **PI**) dan klausa perintah oleh pewacana APK (ujaran **KI**) berdasarkan data wacana kajian ini.

- (1) **PI** Selain itu saya **ingin** menyentuh mengenai nasib golongan nelayan petani, peladang, dan pekebun kecil.
- (2) **KI** Jadi saya lihat bahawa sudah sampai waktunya Kerajaan Persekutuan **mesti** memandang serius soal kebajikan anak-anak ini supaya pendidikan mereka tidak

*terganggu dan masalah kekhawatiran ibu bapa itu tidak menghantui mereka yang membolehkan pendidikan itu diangkat martabatnya.*

Kehadiran kata modaliti *ingin* dan *mesti* sebelum klausa utama dalam contoh di atas menunjukkan perbezaan maksud ujaran. Ujaran APP dalam *PI* yang memanfaatkan *ingin* sebelum klausa utama ‘menyentuh’ telah menghasilkan maksud ujaran pernyataan atau informatif yang merujuk kehendak bagi pelaku ‘saya’. Manakala maksud ujaran APK dalam *KI* yang menggunakan kata modaliti *mesti* di hadapan klausa utama ‘memandang’ telah memberikan maksud perintah berupa permintaan obligasi terhadap khalayak khusus yang disasarkan, iaitu ditujukan kepada ‘Kerajaan Persekutuan’. Namun, sekiranya modaliti *mesti* tiada dalam ujaran tersebut, makna keseluruhan ujaran *KI* hanyalah bersifat pernyataan atau informatif.

Hasil cerakinan, didapati modaliti informatif lebih banyak dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana APK dan APP sebanyak 777 kali atau 73.4 peratus, iaitu dua pertiga daripada jumlah keseluruhan 1059 modaliti yang digunakan. Jika dilihat dari segi kekerapan, kedua-dua pewacana lebih banyak memanfaatkan modaliti informatif berbanding modaliti perintah dalam wacana masing-masing. APP memanfaatkan sebanyak 419 kali modaliti informatif dan hanya 135 kali modaliti yang berfungsi sebagai perintah. Manakalah APK menggunakan 358 kali modaliti informatif dan sebanyak 147 kali modaliti perintah. Bagaimanapun yang menariknya, modaliti perintah yang dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana memperlihatkan pewacana APK lebih mendominasi penggunaannya berbanding APP. Hal ini jelas membuktikan bahawa pewacana APK tetap menyalurkan kuasanya selaku perwakilan daripada pihak pemerintah di Parlimen dengan membuat pernyataan bersifat perintah kepada khalayaknya. Keseluruhan perbandingan ciri modaliti yang digunakan oleh pewacana APK dan APP ditunjukkan dalam Carta 1 berikut:



CARTA 1. Perbandingan kekerapan ciri modaliti antara pewacana APK dan APP

Berdasarkan Carta 1, jelaslah modaliti informatif lebih banyak direpresentasikan oleh kedua-dua pewacana berbanding modaliti perintah. Hal ini membuktikan bahawa matlamat penggunaan modaliti informatif oleh kedua-dua pewacana dalam wacana perbahasan parlimen adalah untuk memaklumi khalayak berkenaan isu ekonomi atau belanjawan dan bukannya bersifat memberi perintah atau bertindak ke atas ujaran yang disampaikan.




## CIRI MODALITI

Secara keseluruhan, pewacana APP dilihat mendominasi penggunaan unsur modaliti informatif dalam wacana perbahasan, iaitu sebanyak 419 kali berbanding APK 358 kali daripada keseluruhan 777 modaliti informatif. Hal ini sudah tentu berkaitan dengan masa perbahasan bagi pewacana APP yang secara kumulatif adalah lebih lama berbanding APK kerana bilangan pembahas APP yang terlibat lebih ramai, iaitu sepuluh orang berbanding APK yang hanya lapan orang pembahas. Aturan masa perbahasan ada dimaklumi oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan pada hari persidangan tersebut, iaitu 60 minit diperuntukkan bagi pembahas pertama setiap wakil APK dan APP, seterusnya 20 minit diperuntukkan untuk setiap pembahas kedua dan berikutnya (<https://www.parlimen.gov.my/>). Berdasarkan data yang dicerakinkan, penggunaan modaliti untuk tujuan informatif adalah lebih banyak, iaitu melalui pernyataan kehendak dengan penggunaan kata modaliti *hendak*, *ingin* dan *mahu*, keupayaan (*dapat*, *boleh*), pengetahuan (*boleh*, *perlu*), kemungkinan (*mungkin*), keizinan (*boleh*), keengganan (*mahu*, *boleh*, *perlu*, *dapat*, *ingin*), keyakinan (*yakin*), dan kebarangkalian (*tidak mungkin*). Ciri modaliti perintah permintaan pula, dikenal pasti melalui penggunaan kata modaliti *perlu*, *patut*, *mesti*, *harus*, *kena*, *boleh*, *hendak*, dan *wajib*. Seterusnya dibincangkan ciri modaliti informatif dan modaliti perintah.

## MODALITI INFORMATIF

Dalam kajian ini, modaliti informatif merupakan bentuk modaliti yang dominan dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana, APK mahupun APP berbanding modaliti perintah. Modaliti berkenaan digunakan untuk menyatakan maklumat yang berkaitan *kehendak*, *keupayaan*, *pengetahuan*, *kemungkinan*, *keizinan*, *keengganan*, *keyakinan*, dan *kebarangkalian* oleh pewacana kepada khalayak. Hasil cerakinan, informatif *kehendak*, *keupayaan*, *pengetahuan*, dan *keengganan* lebih didominasi oleh pewacana APP, sementara informatif *kemungkinan*, *keizinan*, *keyakinan*, dan *kebarangkalian* pula didominasi oleh pewacana APK (lihat Carta 2). Hal ini sudah pasti dipengaruhi oleh masa perbahasan yang berbeza jumlah kumulatifnya seperti yang telah dijelaskan sebelumnya.



CARTA 2. Perbandingan penggunaan modaliti informatif antara pewacana APK dan APP

Daripada analisis, didapati pewacana APP lebih bersifat santai dan relaks dalam hubungannya dengan khalayak wacananya berbanding APK. Hubungan yang santai ini ditafsir daripada kekerapan modaliti yang berbentuk pernyataan yang lebih banyak digunakan dan matlamat penggunaannya adalah semata-mata memberitahu atau memaklumi khalayak, bukannya meminta khalayak melakukan tindakan susulan. Keadaan inilah yang disebut oleh Idris (2006) sebagai bentuk hubungan yang 'relaks'. Hasil penelitian, tiga bentuk modaliti informatif yang paling banyak dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana ialah pernyataan maklumat berbentuk *kehendak*, diikuti *keupayaan* dan *pengetahuan* yang kekerapannya melebihi 60 kali (lihat Carta 2).

#### KEHENDAK

Berdasarkan Carta 2, pernyataan *kehendak* dimanfaatkan sebanyak 300 kali daripada jumlah keseluruhan 777 kali modaliti informatif yang dikenal pasti. Bagaimanapun, pemanfaatan *kehendak* oleh APP adalah paling tinggi, iaitu 170 kali berbanding APK 130 kali. Kata modaliti yang digunakan untuk maksud *kehendak* ialah *hendak*, *ingin*, dan *mahu*, iaitu kekerapannya masing-masing digunakan oleh APP (87, 56, 27), manakala APK (47, 72, 11). Penggunaannya dimanfaatkan dalam bentuk sendiri sepenuhnya. Contoh penggunaannya adalah seperti dalam data (3) – (4) berikut. Perkataan yang dihitamkan merupakan unsur modaliti *kehendak* dalam ayat tersebut.

- (3) **P2** Saya **ingin** mengajak kita semua untuk berfikir di luar daripada kerangka sistem percukaian yang ada kerana kaedah percukaian dalam Islam ialah dikenakan kepada golongan kaya yang diambil dan diberi kepada golongan miskin.
- (4) **K2** Termasuklah memberi kegembiraan kepada beratus ribu ibu bapa dan keluarga dengan memberi penekanan, beri perhatian, beri keutamaan kepada perjuangan pendidikan vokasional ini dan kita **mahu** diploma ini segera diiktiraf sepenuhnya selepas enam tahun diperkenalkan.

Dalam contoh di atas, modaliti *ingin* dan *mahu* yang digunakan oleh pewacana memberikan rasa *kehendak* atau hasrat untuk melakukan sesuatu. Pewacana APP secara peribadi melalui kata ganti nama diri 'saya' berhasrat mengajak khalayaknya untuk berfikir berkenaan percukaian. Manakala dalam ujaran K2, pewacana APK menyatakan hasratnya melalui kata ganti nama diri inklusif 'kita' agar diploma pendidikan vokasional diiktiraf sepenuhnya oleh kerajaan agar dapat memberi kegembiraan kepada golongan ibu bapa. Berdasarkan data, didapati penggunaan modaliti maksud *kehendak* ini lebih banyak dimanifestasikan oleh kedua-dua pewacana untuk menyatakan *kehendak* diri secara peribadi dengan kata ganti nama diri 'saya' dan juga *kehendak* khalayak melalui pelaku inklusif 'kita'.

#### KEUPAYAAN

Modaliti informatif yang kedua tinggi ialah penyata *keupayaan*. Daripada 194 kali penyata *keupayaan*, pewacana APP masih mendominasi penggunaannya, iaitu sebanyak 107 kali berbanding APK 87 kali. Modaliti *keupayaan* yang ditonjolkan adalah melalui penggunaan kata modaliti *boleh* dan *dapat*, iaitu APP menggunakan *dapat* (58) dan *boleh* (49), sementara APK menggunakan *boleh* (49) dan *dapat* (38). Bagi kata modaliti *boleh*, sebilangan besarnya digunakan sendiri dan hanya lima kali dalam bentuk nafi *tidak boleh*, iaitu masing-masingnya tiga kali oleh APK dan dua kali oleh APP. Kata modaliti *dapat* pula, 13 kali penggunaannya adalah dalam bentuk nafi *tidak dapat*, iaitu enam kali oleh APK dan tujuh kali oleh APP. Petikan data (5) – (6) berikut merupakan contoh penggunaan modaliti *keupayaan*.

- (5) **P3**. Satu-satunya cara untuk bantu mereka ketika musim ini adalah memberikan kemahiran-kemahiran jangka pendek supaya mereka **dapat** menjana pendapatan dengan cara lain ketika tidak ke laut dan tidak menuai.
- (6) **K3** Jadi, di sini kita **boleh** memainkan peranan, kedua-dua pihak **boleh** memainkan peranan dan sekiranya rang undang-undang atau bill yang hendak disponsor itu bill yang baik, saya rasa harus dibawa oleh committee itu ataupun Select Committee itu ke Dewan ini dan kita sama-sama berhujah.

Kesemua contoh modaliti keupayaan di atas merupakan satu cara penonjolan keupayaan pihak pewacana selaku wakil parti melalui kata ganti nama diri inklusif 'kita' serta frasa 'kedua-dua pihak' (**K3**) oleh pewacana APK, serta menyatakan keupayaan rakyat selaku khalayak yang diwakili melalui kata ganti nama diri 'mereka' sebelum kata modaliti **dapat** (**P3**) oleh pewacana APP. Pemanfaatan modaliti informatif keupayaan menunjukkan bahawa ahli parlimen turut menekankan aspek keupayaan sebagai satu cara menonjolkan kuasa mereka selaku wakil parti dan wakil rakyat di parlimen.

Secara interpersonal, berdasarkan pemanfaatan modaliti positif *boleh* dan *dapat* sebagai pernyataan keupayaan yang banyak turut merepresentasikan diri pewacana yang berkeyakinan kepada khalayak, khususnya khalayak rakyat. Hal ini pernah dinyatakan oleh Idris (2006) bahawa penggunaan modaliti positif *boleh* sebagai pernyataan keupayaan yang kerap memperlihatkan pewacana membawa peranan sebagai pemupuk keyakinan diri kepada khalayak rakyat dan berkaitan juga dengan tanggungjawab kepimpinan negara secara umum. Dengan erti kata lain, dalam kajian ini, APP dilihat lebih menonjolkan keupayaan diri mereka selaku pemimpin perwakilan yang berupaya dalam kepimpinan dan dalam masa yang sama turut merepresentasikan keupayaan diri yang boleh diharapkan oleh rakyat.

#### PENGETAHUAN

Modaliti informatif ketiga terbanyak yang dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana ialah pernyataan pengetahuan. Jumlah penggunaannya ialah 140 kali, iaitu pewacana APP memanfaatkannya 77 kali melalui kata modaliti *boleh* (38 kali) dan *perlu* (39 kali), dan APK 63 kali, iaitu *boleh* (36 kali) dan *perlu* (27 kali). Kedua-dua pihak dilihat hampir sama banyak memberi maklumat pengetahuan kepada khalayak. Bagi menyampaikan maksud pengetahuan, kata modaliti *boleh* dan *perlu* digunakan, iaitu *boleh* 67 kali kehadirannya dalam bentuk sendiri, 6 kali hadir bersama bentuk nafi, *tidak boleh* dan satu kali dengan partikel *-lah*, *bolehlah*. Manakala kata modaliti *perlu* hadir 49 kali dalam bentuk sendiri, *tidak perlu* (7 kali), *tidak perlulah* (1 kali), *perlulah* (1), *perluan* (5), *perlunya* (2), dan *perlukah* (1). Data (7) – (8) berikut merupakan contoh modaliti yang menggambarkan pernyataan pengetahuan.

- (7) **K4** Saya menerima satu mesej Tuan Yang di-Pertua, daripada warga di Lembah Pantai yang bertanya. Memang kalau kita lihat bantuan sara hidup ini ADALAH ditujukan kepada golongan B40. Mereka bertanya apakah **boleh** dipertimbangkan bagi orang bujang.
- (8) **P4** Berkaitan dengan bantuan musim tengkujuh ini, dia kalau musim – penoreh getah ini, musim kemarau, susu tidak keluar. Manakala musim tengkujuh, **tidak boleh** pergi menoreh getah. Jadi inilah masalah utama...

Pernyataan pengetahuan dalam ujaran perbahasan tersebut adalah untuk memaklumkan maklumat pengetahuan kepada khalayak, sama ada kepada pihak lawan interaksi mahupun kepada khalayak ramai. Penggunaan modaliti ini dapat memberi gambaran bahawa pewacana turut peka dengan maklumat semasa untuk disampaikan kepada khalayak. Misalnya, petikan

**K4** merupakan pernyataan pengetahuan yang disampaikan oleh APK bagi mewakili rakyat, khususnya penduduk kawasan Parlimen Lembah Pantai yang diwakilinya, mengenai pertanyaan bantuan oleh orang bujang golongan B40. Petikan **P4** merupakan pengetahuan yang disampaikan oleh pewacana APP yang turut berkongsi masalah rakyat, khususnya penoreh getah yang tidak dapat bekerja jika musim tengkujuh.

#### KEMUNGKINAN

Seterusnya, modaliti kemungkinan (possibility) turut ditemui dalam wacana perbahasan yang dianalisis. Dalam kajian ini, modaliti kemungkinan digunakan sebanyak 61 kali daripada keseluruhan 71 kali kehadiran  *mungkin* dalam wacana perbahasan tersebut. Kesemua 61 kali kehadiran mungkin untuk maksud ini ialah dimanfaatkan dalam bentuk sendiri, iaitu APK dilihat lebih banyak menggunakan penyata kemungkinan, iaitu 32 kali berbanding APP 29 kali. Data (9) – (10) adalah contoh penggunaannya.

- (9) **P5** *Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga apabila dilihat kepada Belanjawan 2019, peruntukan kepada MARA dikurangkan lebih 50 peratus daripada RM3.5 bilion pada tahun ini kepada RM1.3 bilion sahaja untuk tahun 2019. Saya mohon penjelasan pihak kerajaan berkenaan hal ini,  **mungkin** peruntukan itu dihantar ke tempat lain, kita pun tidak tahu.*
- (10) **K5** *Di samping mengambil orang luar untuk naik pangkat, contohnya ada non-commissioned officers dengan commissioned officers, ada ranks dengan officers, tetapi harus ada kuota diberikan kepada other ranks untuk naik pangkat bukan sahaja berlandaskan pengalaman mereka tetapi  **mungkin** juga ada additional sijil dan juga diploma yang mereka dapati.*

Petikan **P5**, pewacana APP menyatakan bahawa punca berlakunya pengurangan peruntukan belanjawan kepada MARA adalah kemungkinan disebabkan peruntukan tersebut telah dihantar ke tempat lain, manakala dalam **K5**, APK menyatakan bahawa kenaikan pangkat bukan sahaja berdasarkan pengalaman tetapi juga berkemungkinan adanya sijil-sijil tambahan. Dalam konteks ini, penggunaan kata modaliti  *mungkin* oleh kedua-dua pewacana hanyalah untuk menyatakan pandangan atau andaian mereka semata-mata. Hal inilah yang pernah disebut oleh Idris (2006) bahawa pemanfaatan bentuk nahuan ini oleh pewacana adalah bagi menyatakan satu sudut pandangannya semata-mata.

#### KEIZINAN

Modaliti  *boleh* juga dimanfaatkan bagi menyatakan keizinan. Sejumlah 34 kali daripada keseluruhan modaliti informatif adalah untuk maksud keizinan dan pemanfaatannya hampir sama banyak antara pewacana APK dan APP, iaitu masing-masingnya 18 kali dan 16 kali. Penggunaan modaliti  *boleh* bagi maksud pernyataan keizinan ini dimanfaatkan dalam bentuk sendiri bagi menyatakan izin penutur kepada khalayak pewartannya, termasuklah lawan tutur. Contoh penggunaan ditunjukkan dalam data petikan (11) – (12) berikut.

- (11) **K6** *Kewujudan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang baru-baru ini ditubuhkan,  **boleh** dimanfaatkan secara optimum.*
- (12) **P6** *Saya minta Yang Berhormat Menteri, sekarang hujung tahun sudah, tolonglah sediakan peruntukan, jangan sampai kemalangan ataupun accident sudah terjadi. Ada pernah track record bas sudah kena, berapa ramai kena sengsara. Saya harap ini cerita ini bukan cerita kongkalikung. Ini cerita memang betul. Kita  **boleh** balik kawasan tengok sekarang kawasan macam mana.*

Contoh petikan di atas merupakan data pernyataan keizinan yang ditandai dengan modaliti *boleh* yang hadir sebelum kata kerja utama mengikutinya seperti *boleh dimanfaatkan (K6)* dan *boleh balik (P6)*. Dalam **K6**, pewacana APK menyatakan keizinan kepada khalayak secara konteks untuk memanfaatkan penubuhan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan secara optimum. Dalam **P6** pula, APP menyatakan keizinan dengan mengajak khalayak wacananya, iaitu secara konteks ditujukan kepada pihak Kerajaan untuk balik melihat sendiri permasalahan yang dihadapi oleh rakyat di kawasan parlimen yang terlibat.

#### KEENGGANAN

Pernyataan keengganan turut dijumpai, iaitu sebanyak 21 kali daripada keseluruhan modaliti informatif. Daripada jumlah tersebut, APP dilihat lebih banyak memanfaatkannya, iaitu 13 kali melalui kata modaliti *mahu* (9), *boleh* (2), *perlu* (1), dan *dapat* (1), manakala APK sebanyak 8 kali, iaitu melalui kata modaliti *mahu* (6), *ingin* (1), dan *boleh* (1). Kesemua kata modaliti ini hadir dalam bentuk nafi *tidak* bagi menyatakan maksud keengganan. Berikut dipaparkan petikan data (13) – (14) bagi menunjukkan penggunaan modaliti keengganan.

- (13) **K7** Kita *tidak mahu* mengulangi apa yang terjadi kepada Barisan Nasional. Kita *tidak mahu* apa yang berlaku dalam Barisan Nasional terjadi dalam Pakatan Harapan, *tidak boleh*.
- (14) **P7** Saya *tidak boleh* jawablah, saya tidak payah jawab, saya masukan sebagai sebahagian ucapan saya ya.

Penggunaan *tidak mahu* dalam ujaran **K7** dengan kata ganti nama ‘kita’ sebagai pelaku, menunjukkan maksud keengganan daripada pihak pewacana APK yang mewakili blok Kerajaan. Manakala penggunaan *tidak boleh* dalam **P7** juga menyatakan keengganan, namun kehadiran pewacana dengan ganti nama diri pertama ‘saya’ sebagai pelaku menyebabkan klausa ujaran tersebut berciri keengganan bagi pihak individu pewacana sendiri.

#### KEYAKINAN

Pernyataan keyakinan diperlihatkan melalui pemanfaatan modaliti *yakin*. Kehadirannya adalah sebanyak 17 kali dengan pewacana APK dilihat lebih banyak menggunakannya, iaitu sebanyak 11 kali berbanding hanya 6 kali oleh pewacana APP. Penggunaannya adalah dalam bentuk sendiri dan satu kali dalam bentuk nafi *tidak yakin*. Modaliti keyakinan dalam kajian ini digunakan bagi maksud untuk meyakinkan khalayak pewacana atau lawan interaksi terhadap perkara yang diujarkannya. Contoh penggunaan pernyataan keyakinan adalah seperti dalam petikan data (15) – (16) berikut.

- (15) **K8** Kalau sekiranya subsidi dipotong sebanyak 50 peratus, saya *yakin, amat yakin* sebagai anak petani saya *amat yakin* bahawa produktiviti kita juga untuk tahun hadapan akan terpotong sebanyak 50 peratus.
- (16) **P8** Mungkin agaknya banyak kurang kepada penjawat awam kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih tidak percaya dan *tidak yakin* dengan perkhidmatan awam.

Contoh penggunaan kata modaliti *yakin* dalam **K8** menunjukkan pewacana APK melalui kata ganti nama diri pertama ‘saya’ secara peribadi berkeyakinan terhadap perkara yang diujarkannya, iaitu menyatakan keyakinan beliau terhadap produktiviti pertanian negara pada tahun hadapan akan merosot 50 peratus sekiranya subsidi pertanian dipotong 50 peratus. Sementara itu, dalam contoh ujaran **P8** pewacana APP dilihat menggunakan kata modaliti



*tidak yakin* bagi maksud menggambarkan secara retorik ketidakyakinan Perdana Menteri terhadap perkhidmatan awam.

#### KEBARANGKALIAN

Modaliti  *mungkin* juga dimanfaatkan dalam wacana perbahasan tersebut bagi menyatakan kebarangkalian (*probability*). Penggunaannya adalah dalam bentuk nafi, *tidak mungkin*. Bagaimanapun, unsur ini amat sedikit digunakan. Hanya 10 kali dijumpai daripada keseluruhan pernyataan maklumat, dengan lebih banyak digunakan oleh APK, iaitu sejumlah 9 kali dan hanya satu kali digunakan oleh pewacana APP. Secara umum, modaliti *tidak mungkin* dimanfaatkan oleh pewacana bagi menyatakan kebarangkalian terhadap ujarannya, iaitu membawa maksud ‘kebolehpercayaan yang tinggi’ (Idris, 2006:178). Dalam konteks kajian ini, pewacana APK lebih banyak menggunakan bentuk pernyataan kebarangkalian bagi menyatakan tingginya kadar kebolehpercayaan terhadap kenyataannya. Penggunaannya adalah seperti petikan data (17) – (18) berikut.

- (17) **K9** *Kalau inilah yang dikatakan kepada Yang Berhormat Pekan waktu itu, **tidak mungkin** Barisan Nasional jatuh. **Tidak mungkin**.*
- (18) **P9** *Jadi tiba-tiba dalam keadaan negara kita berdepan dengan macam-macam tekanan, ada pihak pula yang mendesak untuk kita menandatangani konvensyen antarabangsa walaupun kita tahu perkara ini **tidak mungkin** dapat dilaksanakan selagi perkara 153, Perlembagaan Malaysia tidak diubah dalam Parlimen.*


Contoh ujaran **K9**, pewacana APK menyatakan punca ‘Barisan Nasional jatuh’ dikatakan tidak mungkin terjadi sekiranya ada peringatan daripada ahli partinya, merupakan kenyataan yang tinggi kebolehpercayaannya. Manakala dalam **P9**, APP menyatakan situasi ‘perkara ini’ (secara konteks merujuk menandatangani konvensyen antarabangsa) tidak mungkin dapat dilaksanakan sekiranya perkara 153 dalam Perlembagaan Malaysia tidak diubah.

#### MODALITI PERINTAH

Modaliti perintah adalah berkaitan usulan (proposals) pewacana terhadap khalayak (Idris, 2006). Dalam konteks kajian ini, usulan yang diujarkan adalah bersifat memerintah (prescribing), iaitu mengemukakan perintah kepada pihak lain. Dalam wacana parlimen yang diteliti ini, modaliti perintah yang digunakan adalah untuk maksud permintaan.

#### PERMINTAAN

Modaliti perintah dengan maksud permintaan merujuk modaliti yang dimanfaatkan oleh pewacana bagi menghasilkan ujaran berupa permintaan-permintaan terhadap khalayak wacananya (Idris, 2006). Hasil rincian terhadap data wacana, pemanfaatan modaliti perintah permintaan ialah sebanyak 282 kali atau 26.6 peratus daripada keseluruhan 1059 kali kata modaliti yang dijumpai, iaitu unsur yang lebih rendah penggunaannya berbanding modaliti informatif yang telah dibincangkan di atas. Bagaimanapun, yang menariknya APK dilihat lebih mendominasi penggunaan modaliti yang bermaksud perintah permintaan, iaitu 147 kali berbanding APP 135 kali. Hal ini memberi gambaran bahawa pewacana APK tetap menyalurkan kuasa mereka terhadap khalayaknya selaku pemerintah di Parlimen meskipun bilangan mereka yang berwacana (selaku pembahas dan pencelah) dalam data kajian ini lebih sedikit berbanding pewacana APP. Perbandingan penggunaannya ditunjukkan dalam Carta 3 berikut.



CARTA 3. Perbandingan penggunaan modaliti perintah permintaan antara pewacana APK dan APP

Berdasarkan Carta 3, terdapat lapan kata modaliti yang dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana APK dan APP bagi maksud permintaan, iaitu *perlu*, *harus*, *patut*, *mesti*, *kena*, *boleh*, *hendaklah*, dan *wajib*. Daripada lapan kata modaliti tersebut, pewacana APK dilihat lebih mendominasi penggunaan modaliti perintah permintaan dari segi jenis dan kekerapannya yang mengatasi pewacana APP melalui lima kata modaliti, iaitu *perlu*, *harus*, *kena*, *boleh* dan *wajib*. Sementara itu, pewacana APP dilihat hanya mendominasi tiga kata modaliti bermaksud permintaan melalui kata *patut*, *mesti* dan *hendak*. Situasi ini dilihat berbeza dengan pemanfaatan modaliti informatif yang telah dibincangkan sebelumnya. Meskipun jumlah masa perbincangan bagi kesemua pembahas APK lebih singkat berbanding APP kerana bilangan pembahasnya yang terlibat adalah kurang, namun APK dilihat dapat menonjolkan sikap dan kuasa ujaran mereka dalam maksud perintah permintaan ini. Keadaan ini membayangkan bahawa APK berkecenderungan membina hubungan sosial yang formal dan serius dengan khalayaknya apabila membuat usulan dalam perbincangan ini. Bagaimanapun, setiap kata modaliti yang membawa maksud permintaan, penggunaannya tetap mempunyai darjah kekuatan atau kesan penerimaan yang berbeza-beza (Rohaidah, 2016). Misalnya, modaliti *perlu*, *harus*, *mesti*, *kena* dan *wajib* mempunyai darjah kekuatan yang berbeza. Modaliti *harus*, *mesti*, *kena* dan *wajib* sememangnya berada dalam kelompok modaliti kemestian yang sama (Asmah, 2008), namun kata modaliti *wajib* dilihat adalah lebih tegas berbanding *mesti*, *kena* dan *harus*, membayangkan kuasa, dan menunjukkan perintah yang mesti dilakukan, tidak boleh tidak, sebaliknya, menurut Rohaidah (2012, 2016) modaliti *perlu* yang menunjukkan keperluan ditafsir lebih bertoleransi dan bertolak-ansur.

Hasil pengenalpastian modaliti yang dimanfaatkan dalam data wacana perbincangan belanjawan yang dikaji, dapatlah dijelaskan tahap hubungan sosial pewacana APK dan APP dengan khalayak wacananya. Bahagian seterusnya ini, perbincangan kata modaliti yang membawa maksud perintah permintaan dianalisis satu demi satu kerana setiap kata modalitinya mempunyai darjah obligasi yang berbeza, seperti yang disebut oleh Idris (2006:165) “obligasi yang diminta adalah berdarjah atau berbeza-beza mengikut realiti penggunaan modaliti.”

#### PERLU

Kata modaliti *perlu* merujuk kepada ‘keperluan’ atau ‘mustahaknya’ sesuatu (Asmah, 2015:130). Dalam data wacana yang dikaji ini, kata modaliti *perlu* dimanfaatkan

sebanyak 139 kali daripada jumlah keseluruhan modaliti. Daripada jumlah tersebut didapati sebanyak 72 kali adalah untuk menghasilkan ujaran yang bermaksud permintaan obligasi. Berdasarkan jumlah permintaan tersebut, didapati pewacana APK dilihat lebih banyak menggunakan bentuk kata modaliti ini untuk maksud permintaan, iaitu sebanyak 42 kali berbanding pewacana APP yang hanya 30 kali. Bagi menghasilkan permintaan yang berkuasa obligasi, 69 kali daripadanya digunakan dalam bentuk sendiri dan 3 kali dalam bentuk *perlulah*. Contoh penggunaannya seperti petikan data (19) – (20) berikut.

- (19) **K10** *Selain itu, antara perkara yang **perlu** diambil berat kerajaan juga adalah perkara-perkara asas dalam sekolah seperti meja, kerusi dan alat bantuan mengajar. Hal ini supaya para pelajar dapat belajar dalam keadaan yang selesa dan sempurna serta **tidak perlulah** guru-guru membuat tugas tambahan dengan membuat kerja-kerja membaiki peralatan sekolah seperti yang pernah dilaporkan sebelum ini.*
- (20) **P10** *Pendek kata, tahun 2019 bakal menjadi tahun yang mencabar. Rakyat dan syarikat-syarikat kecil **perlu** dibantu kerajaan untuk mengharungi angin kencang ini.*

Berdasarkan ujaran **K10** oleh pewacana APK, melalui kata modaliti *perlu* kerajaan sendiri diminta secara obligasi mengambil berat perkara asas dalam sekolah. Dalam ujaran yang sama, pewacana APK turut memanfaatkan satu kali partikel *-lah* bersama kata nafi, menjadi *tidak perlulah* yang memperlihatkan adanya keperluan memenuhi obligasi, namun dilembutkan dengan nada rayuan pewacana terhadap khalayak sasarannya, yakni kerajaan sendiri melalui partikel *-lah*. Dalam lain perkataan, partikel *-lah* yang digunakan oleh APK adalah untuk melunakkan permintaannya kepada pihak kerajaan yang dinaunginya demi menjaga hubungan secara toleransi. Sementara itu, dalam ujaran **P10**, APP membuat permintaan obligasi berkaitan soal ekonomi yang ditujukan khusus kepada sasaran khalayaknya, iaitu pelaku ‘kerajaan’ yang diminta untuk membantu rakyat dan syarikat-syarikat kecil.

#### HARUS

Kata modaliti *harus* yang berperanan sebagai modaliti permintaan obligasi dimanfaatkan sebanyak 71 kali daripada jumlah keseluruhan modaliti yang dikaji ini. Daripada jumlah tersebut, pemanfaatan *harus* oleh pewacana APK adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak 51 kali berbanding pewacana APP yang memanfaatkannya sebanyak 20 kali. Keadaan ini menunjukkan pewacana APK cuba menyalurkan kuasa mereka atau menonjolkan posisi mereka selaku perwakilan atau penyokong pihak kerajaan atau pemerintah di Parlimen. Contoh penggunaannya adalah seperti petikan data (21) – (23) berikut.

- (21) **K11** *Saya juga telah menyebut tadi bagaimana dalam fokus pertama melaksanakan reformasi institusi tadi, bagaimana saya mulakan dengan institusi Parlimen ini **harus** direformkan dengan memperkenalkan balik Akta Perkhidmatan Parlimen yang **harus** kita kembalikan demi memastikan kebebasan Parlimen ini terjamin, dihormati dan pengurusan kewangan juga di bawah kawalan dan kawal selia Tuan Yang di-Pertua dan begitu juga dengan mengambil kakitangan dan pegawai-pegawai yang tidak lagi terikat kepada JPA dan sebagainya.*
- (22) **P11** *Selain daripada itu, pembangunan luar bandar juga **harus** diberikan perhatian. Pembinaan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, jaringan jalan raya dan komunikasi, dewan, tempat ibadah serta kemudahan awam lain **haruslah** diberikan lebih perhatian bagi meningkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar.*

- (23) **P12** *Justeru, pihak kerajaan haruslah memainkan peranan proaktif dalam memastikan ekonomi kita kekal mampan dalam mendepani cabaran ekonomi hari ini. Strategi meningkatkan dan mengukuhkan peluang perdagangan dengan negara lain haruslah diterokai bagi memastikan kelestarian ekonomi kita terjamin.*

Pelbagai permintaan berkuasa obligasi menggunakan modaliti *harus* diajukan oleh APK dan APP melalui wacana perbincangan mereka. Antaranya ialah berkaitan cadangan reformasi institusi, pendidikan, kepercayaan, pembangunan, dan ekonomi. Misalnya, ujaran **K11** yang diajukan oleh APK adalah berkaitan cadangan reformasi institusi. Kerajaan melalui pelaku inklusif 'kita' diminta melakukan reformasi terhadap institusi Parlimen bagi memastikan kebebasan Parlimen terjamin. Manakala dalam ujaran **P11** berkaitan permintaan ekonomi oleh pewacana APP terhadap kerajaan, iaitu melalui pelaku ketiga 'pihak kerajaan' diminta memainkan peranan proaktif dalam memastikan ekonomi negara kekal mampan dalam mendepani cabaran ekonomi masa kini.

Penggunaan modaliti *harus* dengan partikel *-lah*, iaitu *haruslah* turut dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana APK dan APP dalam wacana perbincangan tersebut. Daripada 71 kali penggunaannya sebanyak lima (6) kali dimanfaatkan bersama partikel *-lah*, iaitu satu (1) kali oleh pewacana APK dan empat (5) kali oleh pewacana APP. Menurut Idris (2006:170), penggunaan partikel *-lah* di samping memperlihatkan keperluan memenuhi obligasi, sebenarnya juga bernada rayuan pewacana terhadap khalayaknya atau berperanan melunakkan usulan. Misalnya dalam ujaran **P13**, pewacana APP menggunakan dua kali partikel *-lah* menjadi *haruslah* untuk meminta pihak kerajaan memainkan peranan proaktif dan meneroka peluang perdagangan dengan negara lain. Hal ini menunjukkan bahawa pewacana pembangkang cuba melunakkan ujaran agar permintaan obligasinya terhadap pihak kerajaan tidak terlalu formal. Dengan erti kata lain, pewacana pembangkang cuba melembutkan hubungan antara kerajaan dengan pembangkang yang dilihat baharu sahaja bertukar posisi mereka di parlimen yang sememangnya tidak sehaluan ideologi.

Penggunaannya dalam bentuk sendiri yang kerap (tanpa partikel *-lah*) dan bentuk nafi (65 daripada 71 kali) menunjukkan sifat ketegasan dan keformalan pewacana terhadap permintaan obligasi yang diusulkannya. Namun demikian, pewacana APK dilihat lebih formal berbanding APP kerana lebih banyak memanfaatkan modaliti *harus* secara sendiri, iaitu sebanyak 49 kali daripada 65 kali. Manakala penggunaan modaliti *harus* dengan partikel *-lah* sebagai *haruslah* yang lebih kerap oleh pewacana APP sebanyak 5 kali, menunjukkan sifat hubungan solidariti pewacana APP terhadap khalayak pewartannya.

#### PATUT

Modaliti *patut* dengan variasi *patut*, *sepatutnya*, *tidak patut* dan *tidak sepatutnya* digunakan sebanyak 52 kali dan kesemua penggunaannya adalah perintah permintaan obligasi. Pewartana APP mendominasi penggunaannya, iaitu sebanyak 39 kali berbanding APK hanya 13 kali. Situasi ini membayangkan bahawa pewartana APP lebih berhati-hati dan cuba melembutkan suasana permintaan obligasinya secara solidariti terhadap khalayaknya. Hal ini pernah disebut oleh Idris (2006:174) bahawa pemanfaatan modaliti *patut* oleh pewartana adalah manifestasi sikap berhati-hati, solidariti, dan tidak direktif pewartana terhadap khalayak. Meskipun APK kurang menggunakan kata modaliti *patut*, namun APK dilihat lebih direktif terhadap khalayaknya. Contoh penggunaan ditunjukkan dalam data (24) – (25).

- (24) **K12** *Sepatutnya MARA bantu murid-murid, bantu pelajar-pelajar tetapi disalahgunakan untuk tujuan-tujuan tertentu.*

- (25) **P13** *Saya tadi sebenarnya sudah menyentuh berhubung kait dengan royalti apa yang saya bahaskan iaitu peruntukan **patut** diberikan kepada negeri-negeri pengeluar minyak.*

**K12** merupakan ujaran yang disampaikan oleh pewacana APK, dengan pihak ‘MARA’ diminta membantu murid-murid dan pelajar-pelajar dan bukannya menyalahgunakan peruntukan tersebut untuk tujuan lain. Sementara dalam **P13**, pewacana APP tidak menyatakan secara direktif khalayak yang dituju, yakni kerajaan dengan hanya dinyatakan secara konteks untuk permintaan ‘memberikan peruntukan kepada negeri-negeri pengeluar minyak’. Dengan penggunaan kata modaliti *perlu* tersebut, pewacana APK dilihat lebih direktif dalam menyampaikan maksud permintaannya terhadap khalayak wacananya berbanding pewacana APP yang dilihat lebih berhati-hati dan solidariti terhadap khalayaknya.

#### MESTI

Seterusnya, modaliti *mesti* digunakan sebanyak 35 kali daripada jumlah modaliti keseluruhannya. Permintaan obligasi melalui modaliti *mesti* oleh pewacana APP lebih kerap, iaitu sebanyak 22 kali berbanding APK 13 kali. Hal ini menunjukkan bahawa APP dalam konteks permintaan obligasi ini dilihat lebih serius dan tegas, sesuai dengan posisi mereka selaku pembangkang yang sememangnya berbeza ideologi dengan pihak kerajaan. Kesemua 35 kali kehadiran modaliti tersebut bertujuan membuat permintaan daripada khalayak wacana, iaitu pihak pemerintah, ahli-ahli Parlimen sendiri dan semua pihak. Contoh penggunaannya ditunjukkan dalam data (26) – (28) berikut.

- (26) **K13** *Jadi saya lihat bahawa sudah sampai waktunya Kerajaan Persekutuan **mesti** memandang serius soal kebajikan anak-anak ini supaya pendidikan mereka tidak terganggu dan masalah kekhawatiran ibu bapa itu tidak menghantui mereka yang membolehkan pendidikan itu diangkat martabatnya.*
- (27) **P14** *Selain daripada kakitangan kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri daripada kerajaan juga **mesti** menunjukkan kredibiliti.*
- (28) **P15** *Dalam kerangka kita memakmurkan muka bumi, kita **mestilah** tidak lepas daripada melaksanakan tanggungjawab khalifatullah atau khalifah di muka bumi.*

Berdasarkan contoh di atas, pelbagai komitmen diminta untuk sasaran khalayak lakukan. Misalnya, perkara yang diminta oleh APK daripada khalayak sasarannya lakukan ialah ‘memandang serius soal kebajikan anak-anak supaya pendidikan tidak terganggu’ (**K13**), sementara APP meminta khalayaknya ‘menunjukkan kredibiliti’ (**P14**), dan ‘melaksanakan tanggungjawab khalifatullah atau khalifah di muka bumi’ (**P15**). Permintaan komitmen dalam **K13** dan **P14** ditujukan secara khusus kepada pelaku nyata atau pelaku ketiga, iaitu ‘Kerajaan Persekutuan’ (**K13**) dan ‘kakitangan kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri daripada kerajaan’ (**P14**). Sementara dalam **P15**, permintaan komitmen ditujukan kepada semua pihak, dengan penggunaan pelaku ganti nama diri pertama inklusif ‘kita’. Namun, yang menariknya dalam **P15**, pewacana APP dilihat memanfaatkan partikel *-lah* dalam modaliti *mesti* bagi melembutkan suasana permintaannya yang ditujukan kepada khalayak seluruhnya.

#### KENA

Kata modaliti *kena* yang hanya digunakan dalam bahasa lisan adalah merujuk kepada maksud ‘kemestian’ (Asmah, 2008:127). Dalam data wacana yang dikaji ini, kata modaliti *kena* yang dimanfaatkan untuk maksud permintaan ialah sebanyak 31 kali daripada jumlah keseluruhan modaliti, iaitu 17 kali digunakan oleh APK dan 14 kali oleh APP. Kata modaliti *kena* yang



berciri permintaan obligasi, kesemuanya hadir dalam bentuk sendiri. Contoh penggunaannya ditunjukkan dalam data (29) – (30) berikut.

- (29) **K14** *Saya dan Yang Berhormat Tanjong Karang, kita anak petani. Soal politik, soal warna, itu soal kedua. Soal penting ialah rakyat di bawah. Saya kira ada benda yang tidak betul, kita sebut tidak betul. Saya mungkin daripada kerajaan sekarang, tetapi ada benda yang kita kena tegur, kita kena tegur. That is what Parliament is all about. Tidak mungkin saya akan mempertahankan keputusan kerajaan kalau itu tidak membolehkan manfaatnya pergi kepada rakyat.*
- (30) **P16** *Saya ingin tahu Kerajaan Pakatan Harapan ini, apa program yang telah dirancang dan dibuat terutama dalam perancangan Bajet 2019 ini untuk menyelesaikan segala permasalahan kronik yang ada dalam masyarakat hari ini sebab kita tidak nampak satu langkah yang jelas. Jadi kena ingat tanggungjawab pemerintah adalah tanggungjawab yang besar. Kemungkaran bukan sahaja menentang rasuah, tidak memberi hak kepada rakyat juga satu kemungkaran.*

Ujaran **K14** oleh APK memperlihatkan komitmen Ahli-ahli Parlimen melalui kata inklusif ‘kita’ diminta untuk ‘membuat teguran’. Manakala dalam ujaran **P16** oleh APP, komitmen pemerintah secara konteks diminta untuk ‘ingat akan tanggungjawab besar mereka terhadap masyarakat’. Jika dirujuk perenggan ujaran **P16** ini sepenuhnya dapat dikesan pelakunya ialah ‘Kerajaan Pakatan Harapan’.

Penggunaan modaliti *kena* yang sepenuhnya hadir dalam bentuk sendiri membayangkan wujudnya permintaan obligasi yang formal dan tegas oleh kedua-dua pewacana selaku pemimpin perwakilan di Parlimen. Bagaimanapun, pewacana APK tetap menonjolkan sikapnya yang lebih tegas berbanding APP kerana kekerapan penggunaannya yang lebih banyak dan keadaan ini dilihat sesuai dengan posisi mereka selaku perwakilan yang memerintah di Parlimen.

#### BOLEH

Modaliti *boleh* yang berciri permintaan obligasi turut dimanfaatkan dalam wacana perbincangan belanjawan. Modaliti tersebut hadir dalam bentuk sendiri dan bentuk nafi, *tidak boleh*. Sejumlah 11 kali daripada 220 kali penggunaan modaliti *boleh* dimanfaatkan untuk maksud permintaan. Daripada jumlah tersebut, 7 kali dimanfaatkan oleh APK dan hanya 4 kali oleh APP. Petikan data (31) – (32) berikut merupakan contoh penggunaannya.

- (31) **K15** *Akan tetapi, Parlimen perlu mendapat satu jaminan bahawa bayaran special dividen ini tidak boleh di repeat tahun depan.*
- (32) **P17** *Dengan kata lain bahawa kita tidak boleh mengetepikan nilai dan panduan yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada kita.*

Daripada contoh tersebut, penggunaan *tidak boleh* menggambarkan wujudnya unsur larangan dalam ujaran berkenaan. Namun, larangan yang disampaikan masih bersifat lembut kerana adanya kata modaliti *boleh* selepas kata nafi *tidak*, yang disebut oleh Idris (2006:172) sebagai bentuk negatif modaliti *boleh* berciri halus (+ halus), berbanding penggunaan kata larangan ‘jangan’ yang lebih bersifat langsung. Misalnya, **K15** merupakan permintaan obligasi daripada APK berkaitan jaminan bayaran *special* dividen dihentikan pada masa akan datang. Contoh **P17** pula merupakan permintaan obligasi daripada APP berkaitan nilai dan panduan yang diturunkan oleh Allah SWT tidak diabaikan. Dalam ujaran **P17**, permintaan obligasi APP ditujukan kepada pelaku inklusif ‘kita’ secara nyata. Namun dalam **K15**, APK tidak menyebut

secara nyata pelaku yang ditujukan, tetapi hanya dapat dikenal pasti melalui konteks ujaran yang lengkap dalam wacana, iaitu ditujukan kepada ‘pihak eksekutif kerajaan khususnya Menteri Kewangan’. Secara interpersonal, melalui penggunaan kata modaliti *boleh* dan variasinya *tidak boleh* bagi maksud permintaan obligasi, pewacana APK sekali lagi dilihat cuba mempamerkan sikap tegas dan formalnya terhadap khalayak wacana termasuklah dengan pihak eksekutif kerajaan yang dinaunginya.

#### HENDAK

Modaliti *hendak* dengan variasi *hendak* dan *hendaklah* digunakan sebanyak 139 kali kehadirannya dalam wacana perbahasan parlimen yang dikaji. Bagaimanapun, kehadirannya dalam bentuk *hendaklah* untuk maksud permintaan hanya hadir lima kali. Perlu dinyatakan bahawa modaliti ini yang digunakan tanpa partikel *-lah* tidak membawa maksud permintaan (Idris, 2006). Hasil pengenalanpastian, pewacana APP dilihat lebih banyak menggunakan bentuk permintaan ini (4 kali) berbanding APK (1 kali). Hal ini membayangkan bahawa pewacana APP tetap bertoleransi dalam permintaannya dengan nada yang halus (lembut) untuk pihak lain bertindak atau melakukan sesuatu. Contoh penggunaan modaliti *hendaklah* yang bermaksud permintaan obligasi ditunjukkan dalam data (33) - (34) berikut.

- (33) **K16** ADA janji-janji tertentu kepada mereka bahawa dua perlima daripada cukai yang kita kutip, khususnya di Sabah **hendaklah** dikembalikan kepada Sabah. Itu ialah yang termaktub dalam Perlembagaan.
- (34) **P18** Maka, bila orang berbudi kita **hendaklah** berbahasa.

Berdasarkan penggunaan modaliti *hendak* dalam bentuk *hendaklah* memberi tafsiran bahawa pewacana meminta sesuatu daripada khalayaknya. Misalnya, data **K16** memperlihatkan pewacana APK meminta pelaku ganti nama diri pertama inklusif ‘kita’ secara konteks mengembalikan dua perlima hasil cukai kepada Sabah, **P18** pula meminta ‘kita’ berbahasa (bermaksud berterima kasih) apabila orang telah berbudi (membantu). Secara interpersonal, penggunaan modaliti jenis ini oleh APP yang lebih banyak berbanding APK dapat menggambarkan sikap dan hubungan APP yang agak rapat dan tidak formal dengan khalayaknya, apabila permintaan yang disalurkan turut melibatkan diri pewacana sendiri bersama khalayak melalui pelaku inklusif ‘kita’.

#### WAJIB

Modaliti yang menghasilkan perintah permintaan yang terakhir ialah *wajib*. Namun demikian, penggunaan modaliti *wajib* bagi kedua-dua pihak pewacana tidak begitu ketara dalam data wacana perbahasan parlimen ini kerana kehadirannya hanya lima kali daripada keseluruhan modaliti. Modaliti *wajib* yang dimanfaatkan oleh pewacana APK ialah sebanyak tiga kali dan hanya dua kali digunakan oleh pewacana APP. Bagaimanapun kesemua penggunaannya adalah perintah permintaan obligasi dalam bentuk sendiri ‘*wajib*’. Contoh penggunaannya adalah seperti dalam data (33) – (34) berikut.

- (35) **P19** Bahkan sekarang gaji melebihi RM1,000 pun sudah **wajib** dibayar dengan potongan gaji ini pengumuman yang dibuat, sekarang ini PTPTN kalau gaji melebihi RM1,000 **wajib** dipotong daripada gaji.
- (36) **K17** Dan apakah had umur kanak-kanak yang **wajib** duduk di kerusi keselamatan tersebut?

Berdasarkan hasil analisis modaliti perintah *wajib* yang diujarkan oleh pewacana, jelas fungsi modaliti tersebut adalah untuk merepresentasikan autoritinya dalam memerintah (obligasi) pihak-pihak yang berkaitan. Modaliti ini selain dinyatakan secara langsung oleh pewacana, ada juga beberapa yang dinyatakan dalam bentuk petikan pernyataan yang berasal daripada pihak lain. Misalnya, dalam **P19** ujaran tersebut adalah disampaikan oleh pewacana APP yang merujuk permintaan obligasi pihak kerajaan terhadap pemimjam PTPTN yang diminta membayar balik pinjaman. Sementara itu, modaliti perintah *wajib* yang digunakan pewacana APK dalam **K17** menunjukkan autoriti APK selaku Ahli Parlimen daripada parti pemerintah untuk memerintah rakyat, iaitu kanak-kanak. Modaliti *wajib* selalunya dinyatakan oleh pihak yang memiliki tahap sosial yang lebih tinggi dan digunakan untuk menunjukkan kuasanya. Jelaslah bahawa pewacana APK telah mula menyalurkan kuasanya melalui ujaran modaliti ini setelah menjadi kerajaan baharu.

## RUMUSAN

Hasil analisis yang dilakukan ke atas wacana perbahasan belanjawan 2019 antara pewacana APK dan APP memperlihatkan bahawa penggunaan modaliti mempunyai maksud dan fungsi penggunaannya dalam wacana politik. Penggunaan modaliti yang bermaksud pernyataan atau informatif adalah lebih banyak, iaitu 777 kali atau 73.4 peratus berbanding dengan modaliti perintah bermaksud permintaan hanya 282 kali atau 26.6 peratus daripada keseluruhan kekerapan 1059 kali. Daripada modaliti informatif, pewacana APP dilihat lebih mendominasi penggunaannya, iaitu sebanyak 419 kali berbanding APK yang hanya 358 kali. Seperti yang telah dijelaskan, penggunaan modaliti yang berfungsi sebagai informatif lebih banyak direpresentasikan oleh APP kerana dipengaruhi masa perbahasan secara kumulatif yang agak panjang ekoran bilangan pembahasannya yang lebih ramai berbanding APK. Maka di sinilah pewacana APP dilihat menyampaikan maklumat atau pernyataan daripadanya yang lebih banyak untuk maksud kehendak, keupayaan, pengetahuan, dan keengganan. Dalam wacana perbahasan yang diteliti ini, pewacana APP dilihat kurang menggunakan modaliti perintah berbanding APK disebabkan oleh keperluan APP untuk menyesuaikan ujarannya dengan posisi baharu mereka di Parlimen yang berubah selepas PRU-14.

Modaliti perintah bagi maksud permintaan turut dimanfaatkan oleh kedua-dua pewacana melalui kata modaliti *perlu*, *harus*, *patut*, *mesti*, *kena*, *boleh*, *wajib*, dan *hendak*. Meskipun kekerapan keseluruhan penggunaannya hanyalah 282 kali, namun pewacana APK dilihat lebih kerap menggunakannya, iaitu sebanyak 147 kali berbanding APP (135 kali). Kata modaliti *harus* digunakan oleh APK lebih kerap mengatasi lapan modaliti yang lain. Susunannya secara menurun menunjukkan *harus* digunakan sebanyak 51 kali, *perlu* 42 kali, *kena* 17 kali, *mesti* 13 kali, *boleh* 7 kali, *wajib* 3 kali, dan *hendaklah* 1 kali. Situasi ini memberikan satu gambaran bahawa pewacana APK dilihat berkecenderungan membina hubungan sosial yang formal dan serius dengan khalayaknya, iaitu membuat usulan yang perlu diambil tindakan oleh khalayaknya. Meskipun bilangan pembahas APK dalam konteks data kajian ini kurang berbanding APP, namun situasi tersebut bukanlah penghalang baginya menyalurkan kuasa perintah permintaannya melalui ujaran terhadap khalayak dan secara tidak langsung dapat menonjolkan posisi baharu mereka selaku ‘pemerintah baharu’ di Parlimen dalam era Malaysia Baharu. Penggunaan unsur modaliti *harus*, *perlu* dan *kena* secara dominan sebagai perintah yang berbentuk permintaan obligasi oleh pewacana APK menunjukkan pewacana APK lebih tegas dan serius dalam menyampaikan idealisme kepimpinannya kepada khalayak.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2003). Power relations in parliamentary debates. In *Language and Empowerment* (38-51). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheng, J. E. (2015). Islamophobia, muslimophobia or racism? Parliamentary discourses on Islam and Muslims in debates on the minaret ban in Switzerland. *Discourse & Society* 26(5), 562–586.
- Fairclough, N. (1989). *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge
- Halliday, M.A.K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar*. Second edition. London: Arnold.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir, & Zaliza Zubir. (2020). Lakuan Ilokusi Ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 20(2), 96-114.
- Idris Aman. (2001). *Wacana dan kepimpinan: satu analisis terhadap perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2008). Bahasa dan kuasa: analisis wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-11. *Akademika*. 72, 69-96.
- Idris Aman. (2011). Mengurus wacana dan kepimpinan: analisis ucapan sulung Perdana Menteri Malaysia Keenam. *Jurnal Bahasa*. 11 (2), 235-272.
- Idris Aman. (2014). Manifesto pilihan raya dan prestasi parti politik utama Malaysia dalam Pilihan Raya Umum ke-13: suatu analisis linguistik. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*. 10 (2), 65-82.
- Kamila Ghazali. (1999). *A critical discourse analysis of the speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kirkwood, S. (2017). The humanization of refugees: a discourse analysis of UK Parliamentary debates on the European refugee ‘crisis’. *Journal of Community & Applied Social Psychology*. 27, 115-125.
- Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2020). Penghuraian strategi wacana teks ucapan Belanjawan 2019. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 20(2), 244-263.
- Muhamad Fuzi Omar. (2008). Parliamentary behavior of the members of opposition political parties in Malaysia. *Intellectual Discourse*. 16 (1), 21-48.
- Muhammad Hisyam Haliah & Ab. Razak Ab. Karim. (2019). Modaliti dalam warkah-warkah sosial Melayu abad ke-17 hingga ke-19: ekspresi sikap, hubungan dan kuasa. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019, 24-25 April, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, eISBN: 978-967-2122-71-5 (2019).

- Parlimen Malaysia. (2018). Diakses pada 20 November 2018 dari <https://www.parlimen.gov.my/>.
- Radiman Hj. Junaidi & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Wacana kepimpinan dalam ucapan Abdullah Ahmad Badawi. *Jurnal Bahasa*. 13 (1), 128-150.
- Rohaidah Haron. (2012). *Bahasa dan identiti: analisis wacana UMNO Najib Razak*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rohaidah Haron. (2016). *Bahasa dan Identiti: Wacana Mohd Najib Razak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanat Md. Nasir. (2005). Ucapan bajet 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia: analisis wacana kritis plus dalam Perbandingan. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 16, 218-240.
- Vukovic, Milica. 2012. Positioning in pre-prepared and spontaneous parliamentary discourse: Choice of person in the Parliament of Montenegro. *Discourse & Society*. 23(2), 184–202.
- Yoong, David. (2010). *Orderliness and disorderliness of interaction during question time in the Malaysian House of Representatives*. Tesis Doktor Falsafah: La Trobe University, Australia.

### PENULIS

Dayang Sariah Abang Suhai merupakan pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS. Kini, sedang melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran dalam pengkhususan analisis wacana kritis di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kesumawati Abu Bakar (Dr) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah analisis wacana, analisis multimodal, kajian korpus, serta gender dan identiti.

Norsimah Mat Awal (Prof. Madya Dr) ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik, terjemahan dan sosiolinguistik.